

22/09/2003

Ubah sikap rakyat tugas besar

Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebagai Perdana Menteri sebuah negara Islam, beliau mempunyai tanggungjawab besar untuk mengubah sikap dan persepsi tradisi rakyatnya.

Katanya, ia bagi membuktikan bahawa Islam bukan hanya terhad kepada aspek berkaitan pentadbiran, politik dan ekonomi saja.

"Malah, kepercayaan yang diberikan sebagai pemimpin sebuah negara berbilang bangsa seperti Malaysia pula adalah tanggungjawab untuk memastikan wujud keharmonian kaum, kestabilan politik dan ekonomi," katanya dalam rakaman ucapan penghargaan sempena pelancaran Encyclopedia Of Dr Mahathir Bin Mohamad Prime Minister of Malaysia di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), malam tadi.

Ensiklopedia tiga versi iaitu Arab, bahasa Inggeris dan gabungan kedua-dua bahasa itu dilancarkan oleh timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir berpendapat, penghasilan ensiklopedia itu adalah pandangan dan idea beliau berhubung pelbagai isu yang penting untuk diketengahkan kepada rakyat Malaysia serta umat Islam di seluruh dunia.

"Walaupun ada yang berpendapat idea saya sebagai terlalu berterus terang, rasanya adalah lebih baik untuk berbuat sedemikian kerana ada sesetengah isu yang perlu diperdebat secara terbuka," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, kepentingan ilmu pengetahuan adalah aspek utama yang perlu diberi perhatian rakyat pelbagai peringkat dalam usaha untuk memajukan ummah.

"Umat Islam perlu menguasai bidang sains dan teknologi tanpa menyetepikan Islam itu sendiri kerana melalui Islam kita meminjam kualiti yang menekankan supaya ilmu yang diperoleh tidak disalah guna.

"Tindakan menyalahgunakan ilmu boleh mewujudkan sikap angkuh dan cubaan menandingi serta tidak menghormati kekuasaan Allah yang sekali gus boleh menyebabkan kemusnahan," katanya.

Beliau berkata, ilmu tanpa moral adalah bahaya, sebaliknya moral tanpa ilmu akan menyekat potensi individu dan komuniti sesebuah negara.

"Oleh itu, adalah penting untuk masyarakat untuk sentiasa dilengkapi dengan ilmu pengetahuan," katanya.

Bagaimanapun, beliau kecewa kerana adanya masyarakat Islam moden sekarang yang cuba menyalahafsirkan kandungan al-Quran kerana terlalu taksab kepada subjek berkaitan agama semata-mata.

Berikutan itu, beliau menasihatkan rakyat terutama umat Islam negara ini supaya membaca pelbagai jenis bahan untuk mendalami ilmu pengetahuan.